



search...

Home

# SQ2015 E-Proceeding: 1st Issue

Written by sq2015 on 16 September 2015. Posted in [SQ2015](#)

Copyright © 2016

ISBN: 978-967-0899-30-5

## Editors:

Assoc. Prof. Dr Abdul Hakim bin Abdullah  
Dr Mohd Safri bin Ali  
Dr. Wan Hishamudin Wan Jusoh  
Dr. Zurita binti Mohd Yusof  
Zulkifli bin Mohd  
Wan Saifuldin bin W Hassan

Faculty of Contemporary Islamic Studies,  
Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA),  
Gong Badak Campus,  
21300, Kuala Terengganu,  
Terengganu, Malaysia.

Tel: +609 6688092

Fax: +609 6687879



[E-Proceeding SQ \(English\)](#) **NEW**



[Download](#)



[E-Proceeding SQ \(Arabic\)](#) **NEW**



[Download](#)



[E-Proceeding SQ \(Malay\)](#) **NEW**



[Download](#)

search...

## Important Links

[About SQ2015](#)

[Objectives](#)

[Call for Papers](#)

[Theme and Subthemes](#)

[Participation](#)

[Submission Guidelines](#)

[Registration Fee & Payment](#)

[Conference Schedule](#)

[Session Chair & Parallel Sessions](#)

[Venue](#)

[Accommodation](#)

[Organising Committee](#)

[Keynote & Plenary Presentations](#)

[Photo Gallery](#)

[Brochure](#)

[Sponsors](#)

[Registration Form](#)

[Publication](#)

# PROCEEDINGS

# International Seminar on al-Quran in Contemporary Society (SQ 2015)

**THEME:  
AL-QURAN PROPELLING AN UMMAH WASATIYYAH**

**Date:  
10th - 11th October 2015**

**Venue:  
Auditorium Hall, UniSZA**

Organiser:



Co-organiser:



In Collaboration with:



Official Hotel:



Main Sponsors:



## ISI KANDUNGAN

<b>ISI KANDUNGAN.....</b>	<b>2</b>
<b>1. WASIAT LUQMAN AL-HAKIM TENTANG SIFAT-SIFAT TERCELA DAN TERPUJI.....</b>	<b>7</b>
<b>2. RASUAH DALAM PENTADBIRAN TANAH: PENYELESAIAN MENURUT ISLAM .....</b>	<b>17</b>
<b>3. PERLAKSANAAN KURIKULUM TAJWID DI SEKOLAH-SEKOLAH PONDOK NEGERI PERAK .....</b>	<b>35</b>
<b>4. PENDERAAN WARGA TUA MENURUT AL-QURAN DAN SUNNAH .....</b>	<b>60</b>
<b>5. PIAWAIAN KESELARIAN RASM 'UTHMANI DALAM MENILAI AL-QIRAAT AL-QUR'ANIYYAH.....</b>	<b>75</b>
<b>6. PELANTIKAN HAKIM BAGI UJIAN HAFAZ AL-QUR'AN DEWASA TERBUKA NEGERI TERENGGANU: TINJAUAN AWAL .....</b>	<b>88</b>
<b>7. MUSHAF IMLA'I DAN IMPLIKASINYA DALAM PEMBACAAN AL-QURAN.....</b>	<b>98</b>
<b>8. PENCERAPAN ANAK BULAN MENGGUNAKAN OPTIK DAN RADIO .....</b>	<b>108</b>
<b>9. KONSEP SADAQAH MENURUT PERSPEKTIF AL-QURAN DAN AMALANNYA DALAM KALANGAN MASYARAKAT ISLAM MASAKINI.....</b>	<b>122</b>
<b>10. KHILAF QIRAAT MUTAWATIRAH: ANALISIS PADA AYAT HAD DARI ASPEK PERANAN, PERKAITAN DAN PERTALIAN PADA HUKUM FIQH.....</b>	<b>133</b>
<b>11. PENGESAHAN BERITA DALAM KOMUNIKASI ISLAM: IBRAH DARIPADA AYAT 6 SURAH AL-HUJURAAT.....</b>	<b>147</b>
<b>12. STRATEGI PEREKAYASAAN MODAL INSAN CEMERLANG BERDASARKAN SURAH AL-KAHFI .....</b>	<b>159</b>
<b>13. PERBANDINGAN QIRAAT MUTAWATIRAH DAN SHADZAH TERHADAP PENTAFSIRAN AL-QURAN.....</b>	<b>171</b>
<b>14. PERBANDINGAN KONSEP KEMISKINAN DARIPADA PERSPEKTIF GENDER DAN ISLAM .....</b>	<b>183</b>

<b>16. KESUKARAN MENGAJAR DAN BELAJAR AL-QURAN DALAM KALANGAN PELAJAR PEKAK : ISU DAN CABARAN GURU PENDIDIKAN ISLAM .....</b>	<b>208</b>
<b>17. IMPLIKASI PERUBAHAN SOSIAL TERHADAP ISU PERBELANJAAN GAJI ISTERI BERKERJAYA OLEH SUAMI MENURUT SYARAK .....</b>	<b>223</b>
<b>18. SENI MENGHAFAZ AL-QURAN: APLIKASI LAHJAT AL-ḤURUF DAN LAHJAT AL-TARANNUM .....</b>	<b>239</b>
<b>19. PERPADUAN KAUM DALAM MASYARAKAT MENURUT AL-QURAN.....</b>	<b>249</b>
<b>20. AGIHAN ZAKAT TERHADAP ASNAF AL-RIQĀB MENURUT PANDANGAN ULAMA DAN AMALAN MASA KINI .....</b>	<b>263</b>
<b>21. KAEDAH HAFAZAN MAAHAD TAHFIZ DI MALAYSIA .....</b>	<b>280</b>
<b>22. METODOLOGI SYAIKH MUHAMMAD AL-SHA'RAWIY DALAM PENULISAN TAFSIR... 288</b>	
<b>23. METODOLOGI TAFSIR BI AL-RA'Y PROF. HAMKA TERHADAP PENTAFSIRAN AYAT-AYAT HUKUM DALAM TAFSIR AL-AZHAR.....</b>	<b>297</b>
<b>24. KAEDAH PENGUASAAN MUFRADAT BAHASA ARAB MELALUI AYAT LAZIM BERASASKAN HAFAZAN AL-QURAN: TINJAUAN AWAL .....</b>	<b>306</b>
<b>25. PERBAHASAN TENTANG QIRAAT MUTAWATIR DAN KEDUDUKANNYA DALAM TAFSIR ALTABARI .....</b>	<b>314</b>
<b>26. APLIKASI REBT DALAM KAUNSELING KELOMPOK BERSTRUKTUR BERPAKSIKAN AL QURAN DALAM MENANGGANI STRES .....</b>	<b>333</b>
<b>27. PEMBENTUKAN UMMAH WASATIYYAH: SENTUHAN TERAPI TAUHID KALAM HIKAM SHAYKH IBN 'ATA'ALLAH.....</b>	<b>354</b>
<b>28. KONSEP TAZKIYAH AL-NAFS: SATU PENDEKATAN OLEH AL-GHAZALI (505H).....</b>	<b>364</b>
<b>29. KONSEP KEHENDAK MANUSIA DALAM AL-QURAN MENURUT TEORI PEMIKIRAN IMAM AL-GHAZALI.....</b>	<b>372</b>
<b>30. BALAGHAH AL-ITNAB DALAM AL-QURAN DAN KEPENTINGANNYA .....</b>	<b>382</b>
<b>31. ANALISIS KONFLIK PRO-LIFE DAN PRO-CHOICE ISU PENGGUGURAN TERAPEUTIK DARI ASPEK MENJAGA NYAWA MENURUT AL-QURAN.....</b>	<b>409</b>

<b>32. FANA' DALAM WACANA SUFI NUSANTARA: SHEIKH DAUD AL-FATANI.....</b>	<b>421</b>
<b>33. ANALISIS MAKNA KATA <i>AL-MAWT</i> DAN POLA TERBITANNYA DALAM AL-QUR'AN...</b>	<b>431</b>
<b>34. TINJAUAN KEUPAYAAN PELAJAR TAHFIZ MEMAHAMI MAKNA AYAT AL-QURAN: KAJIAN KES KEPADA PELAJAR LEPASAN SPM KE DARUL QURAN .....</b>	<b>449</b>
<b>35. BUDAYA PERDAMAIAN DALAM PERSPEKTIF AL-QUR'ĀN .....</b>	<b>460</b>
<b>36. PENYUSUAN SUSU IBU DAN HUBUNGAN SOSIAL DALAM AL QURAN: SATU ANALISIS .....</b>	<b>475</b>
<b>37. <i>AL-TAFSĪR AL-'ILMĪ</i> SERTA PENGARUH AL-MARĀGHĪ TERHADAP TAFSIR AL-AZHAR .....</b>	<b>485</b>
<b>38. AMALAN <i>SYURA</i> MENURUT PERSPEKTIF AL-QURAN .....</b>	<b>496</b>
<b>39. FALSAFAH SENI HIAS DALAM MUSHAF AL-QURAN RESAM UTHMANI NUSANTARA : SUATU KAJIAN AWAL.....</b>	<b>510</b>
<b>40. ISTILHAQ DAN KESANNYA KEPADA STATUS NASAB ANAK ZINA MENURUT PANDANGAN ULAMA.....</b>	<b>528</b>
<b>41. KAJIAN FAKTOR KETAKWAAN MENURUT AL-QURAN DAN PENCAPAIAN USAHAWAN MUSLIM DI MALAYSIA .....</b>	<b>547</b>
<b>42. KEBERKESANAN PROGRAM PENGAJIAN ISLAM TERHADAP KEFAHAMAN ISLAM DALAM KALANGAN ANGGOTA TENTERA .....</b>	<b>561</b>
<b>43. KEDUDUKAN FIQH SAYYIDAH AISYAH R.A. SEBAGAI <i>QAUL MU'TAMAD</i> MAZHAB SYAFI'E DALAM MASALAH SOLAT .....</b>	<b>575</b>
<b>44. KONSEP WASATIYYAH HAMKA DALAM TAFSIR AL-AZHAR.....</b>	<b>592</b>
<b>45. PEMBENTUKAN DISIPLIN WARGA TENTERA DARAT MALAYSIA BERTERASKAN AL-QURAN.....</b>	<b>603</b>
<b>46. PEMBENTUKAN MODEL KEPIMPINAN KETENTERAAN BERTERASKAN AL-QURAN DAN SUNNAH .....</b>	<b>615</b>
<b>47. PERANAN ACEH DAN TURKI DALAM ISLAMISASI ALAM MELAYU: SATU ANALISIS ...</b>	<b>626</b>

<b>48.SENI BINA MENURUT PERSPEKTIF AL-QURAN : SATU PENILAIAN .....</b>	<b>645</b>
<b>49. KONSEP LINDUNG NILAI MENURUT AL-QURAN.....</b>	<b>659</b>
<b>50. TAFSIR ISYARI BERKAITAN KESAN DAN NATIJAH TASAWWUF: KAJIAN PENILAIAN TERHADAP TAFSIR AL-BAHRUL MADID KARANGAN IBN AJIBAH .....</b>	<b>668</b>
<b>51. FAKTOR PENYIMPANGAN DALAM KALANGAN REMAJA BERISIKO DARI PERSPEKTIF ISLAM.....</b>	<b>681</b>
<b>52. CIRI-CIRI JIWA REMAJA PEREMPUAN BERISIKO MENURUT PERSPEKTIF ISLAM.....</b>	<b>694</b>
<b>53. KONSEP PERTANDINGAN SUKAN TRADISIONAL MENURUT AL-QUR'AN DAN AL-SUNNAH DI SELATAN THAILAND .....</b>	<b>695</b>
<b>54. PENYEBARAN DAKWAH MELALUI INSTRUMEN DIALOG PERADABAN DAN WASATIYYAH MENURUT PEMIKIRAN NURSI.....</b>	<b>709</b>
<b>55. KAJIAN PELAKSANAAN PROGRAM PENDIDIKAN SPIRITUAL TERHADAP ANGGOTA ANGKATAN TENTERA MALAYSIA.....</b>	<b>716</b>
<b>56. PENCIPTAAN HAWA MENURUT KITAB TAFSIR DAN FAKTA SAINS.....</b>	<b>726</b>
<b>57. PENYELEWENGAN SHI'AH DALAM PENAFSIRAN AL-QURAN.....</b>	<b>740</b>
<b>58. AL-QANUN AL-KULLIY: SATU FALSAFAH DALAM MEMAHAMI AKIDAH ISLAMIYYAH .....</b>	<b>748</b>
<b>59. PERBAHASAN TENTANG TEORI HUKUM MADD FAR'EI DARI PERSPEKTIF ILMU QIRAAT .....</b>	<b>763</b>
<b>60. PEMBANGUNAN MODUL PEMANTAPAN SAHSIAH BERSEPADU ISLAM BAGI MAHASISWA UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN TERENGGANU .....</b>	<b>777</b>
<b>61. SUMBANGAN SYEIKH ABDUL HALIM HASAN DALAM MEMPERKAYA KHAZANAH TAFSIR DI NUSANTARA.....</b>	<b>790</b>
<b>62. SISTEM KHILAFAH ISLAM DAN DAKWAH: PERANAN DAN KESAN KEPADA PENYEBARAN DAKWAH ISLAM.....</b>	<b>804</b>
<b>63. KRITIKAN AL-SAMĀWĪ TERHADAP TIGA KHULAFA RASULULLAH SAW: ANALISIS MENURUT PENDIRIAN AHL AL-SUNNAH WA AL-JAMA`AH.....</b>	<b>818</b>

**64. AMALAN PENGURUSAN BERSUCI DARAH-DARAH WANITA MENURUT PERSPEKTIF ISLAM..... 838**



## 56. PENCIPTAAN HAWA MENURUT KITAB TAFSIR DAN FAKTA SAINS

ROSMALIZAWATI BINTI AB. RASHID<sup>1</sup>  
DR. NURUL ASYIQIN BINTI YUSOF<sup>2</sup>  
DR. ROSAZRA BINTI ROSLAN<sup>3</sup>

**Abstrak:** *Seringkali masyarakat mendengar ungkapan 'wanita dijadikan daripada rusuk nabi Adam' sama ada di dalam kuliah-kuliah agama mahupun tulisan-tulisan yang berkait dengan hal-hal wanita dan keperempuanan. Namun, sejauhmana kebenaran ungkapan ini harus dianalisa dan dijelaskan agar ia mampu menjernihkan kekeliruan serta tanggapan buruk terhadap wanita Islam seolah-olah mereka adalah ciptaan kelas kedua. Ini kerana, rata-rata masyarakat merasakan bahawa ia adalah sebahagian daripada intipati al-Quran dan juga Hadith, bahkan dikatakan diambil dari kitab-kitab tafsir yang mu'tabar, namun tidak pula dijelaskan sumbernya setiap kali ia disebut mahupun ditulis. Oleh yang demikian, kertas kerja ini bertujuan untuk mengenalpasti sumbernya dan memfokuskan perbincangan terhadap isi kandungannya menurut perspektif ilmiah dan disesuaikan dengan penemuan saintifik terhadap isu tersebut. Adalah diharapkan menerusi kertas kerja yang berasaskan kepada kajian perpustakaan di dalam dua bidang iaitu ilmu wahyu dan sains ini dapat menyumbang ilmu yang bermanfaat kepada masyarakat secara umumnya dan dunia Islam secara khususnya.*

Kata kunci: Wanita, Kitab Tafsir, Tulang Rusuk, Ilmu Wahyu dan Sains.

### 1. PENGENALAN

Persoalan berkenaan wanita sentiasa menjadi satu topik hangat apatah lagi jika disandarkan kepada agama. Seringkali kita mendengar pelbagai peringatan diberikan kepada wanita dan ungkapan bahawa wanita dijadikan daripada tulang rusuk nabi Adam memberikan gambaran bahawa wanita adalah golongan kelas kedua atau mempunyai kedudukan yang rendah berbanding lelaki. Persepsi sebegini menjadi hujah kepada mereka yang anti Islam untuk menyatakan bahawa Islam adalah agama yang menindas wanita dan mengongkong wanita.

Oleh sebab itu, kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti sumber asal dan

---

<sup>1</sup> Pensyarah di Jabatan al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman. Sekarang melanjutkan pengajian di peringkat Doktor Falsafah di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) pengkhususan hadith.

<sup>2</sup> Pensyarah Kanan di Jabatan Sains Perubatan Asas, Kuliyyah Farmasi, Kampus Kuantan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

<sup>3</sup> Pensyarah Kanan di Jabatan Sains Perubatan Asas, Kuliyyah Farmasi, Kampus Kuantan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

sejauhmana kebenaran di sebalik ungkapan ini, sama ada ia benar-benar datang dari al-Quran dan Sunnah, atau terdapat maksud tersirat di sebalik ungkapan ini. Dengan itu, masyarakat akan mendapat gambaran yang benar dan membatalkan tuduhan-tuduhan yang dilontarkan terhadap Islam bahawa Islam tidak memuliakan wanita.

## 2. PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian terhadap ungkapan seperti ini perlu diteliti kerana masyarakat didedahkan bahawa ia adalah intipati ucapan baginda Nabi saw yang semestinya membawa gambaran bahawa ia sebahagian dari ajaran Islam. Terdapat orang-orang Islam yang mengaitkan ungkapan ini dengan peristiwa yang berlaku ketika Adam dan Hawa diturunkan ke bumi kerana keingkaran mereka terhadap larangan memakan buah larangan. Bagi sesetengah mereka, ungkapan ini membuktikan bahawa wanita adalah penyebab kepada keingkaran Adam kerana sifat mereka yang bengkok.

Perkara ini turut diulas oleh Muhammad Asad di dalam tafsir beliau pada ayat pertama dari surah al-Nisa':

مَّا وَبَّشَّرَ زَوْجَهَا مِنْهَا وَخَلَقَ وَاحِدَةً نَفْسٍ مِّنْ خَلْقِكُمُ الَّذِي رَبَّكُمْ اتَّقُوا النَّاسُ يَتَّخِذُونَ  
رَقِيبًا عَلَيْكُمْ كَانَ اللَّهُ إِنْ وَالْأَرْضَ حَامٍ بِهِ تَسَاءَلُونَ الَّذِي اللَّهُ وَاتَّقُوا نِسَاءً كَثِيرًا رَجَالًا مِنْهُ



maksudnya: **Wahai manusia, sedarlah tentang Tuhanmu, yang telah menciptakan kamu dari jiwa yang satu (nafs), dan daripadanya (minha) diciptakan untuknya pasangannya, dan daripada keduanya lahiriah keturunan yang banyak dari kalangan lelaki dan wanita. Dan ingatlah kepada Tuhan, yang dengan namaNya kamu menuntut (hakmu) sesamamu, dari ikatan ini. Sesungguhnya, Tuhan sentiasa memerhatikan kamu.**

Muhammad Asad menyatakan bahawa terdapat ramai pentafsir klasik memilih makna yang tertera pada istilah *nafs* sebagai seorang manusia dan merujuknya kepada Adam 'Alaihissalam. Namun pendapat ini ditolak oleh Muhammad Asad dan beliau cenderung kepada pendapat Muhammad Abduh yang memberi keutamaan kepada maksud 'bangsa manusia' sebagaimana istilah ini menekankan kesamaan asal-usul dan persaudaraan seluruh bangsa manusia.

Menurut Faisal Othman, pandangan negatif terhadap wanita ini terdapat di dalam tradisi Bible klasik yang menganggap wanita sebagai manusia yang tidak sempurna sifat kemanusiaannya, demikian juga pemikiran yang dominan di luar tradisi Islam sebagaimana masyarakat Arab jahiliah memandang rendah terhadap wanita.<sup>1</sup>

## 3. OBJEKTIF KAJIAN

---

<sup>1</sup> Faisal Othman, *Kedudukan dan Peranan Wanita Dalam Islam*, m.s 24.

- 1) Mengenalpasti sumber ungkapan wanita dijadikan daripada tulang rusuk nabi Adam serta memberikan penjelasan terperinci terhadap ungkapan tersebut melalui pendapat para ulama' dan rujukan-rujukan yang berkaitan.
- 2) Memberikan pendedahan tentang keselarian ungkapan ini dengan proses penciptaan manusia melalui ilmu sains.
- 3) Mendedahkan kesan daripada ungkapan ini terhadap agama dan masyarakat serta iktibar darinya.

#### **4. PERSOALAN KAJIAN**

Kajian ini dilakukan untuk menjawab beberapa persoalan berikut:

- 1) Apakah status ungkapan ini dan apakah maksud di sebalik ungkapan tersebut?
- 2) Benarkah ungkapan ini membuktikan Islam menganggap wanita sebagai manusia kelas kedua?
- 3) Apakah maksud hadith ini selari dengan fakta sains tentang kejadian wanita?
- 4) Apakah kesan hadith ini terhadap pandangan masyarakat terhadap wanita?

#### **5. KEPENTINGAN KAJIAN**

Kajian ini diperlukan untuk menjernihkan kekeliruan yang timbul kerana menjadikan hadith ini sebagai hujah, wanita tidak mendapat keistimewaan di dalam Islam bahkan dikatakan sebagai golongan kelas kedua. Kajian ini juga membuktikan bahawa Islam adalah agama yang selari dengan fakta dan angka, bukan agama retorik bahkan sentiasa mementingkan hujah dan dalil di dalam setiap sudut kehidupan. Kemajuan ilmu sains pada hari ini juga membantu menguatkan lagi kefahaman terhadap ungkapan ini.

#### **6. METODOLOGI KAJIAN**

Analisa terhadap ungkapan ini menggunakan kajian perpustakaan iaitu dengan mengenalpasti sumber asal ungkapan ini muncul sama ada di dalam kitab-kitab hadith, kitab-kitab tafsir dan juga kitab samawi yang lain. Seterusnya, mengenalpasti beberapa pendapat dan senario masakini terhadap ungkapan ini melalui tulisan-tulisan berkenaan dengan wanita. Metodologi perbandingan dilakukan untuk mengenalpasti pendapat ulama' tafsir terhadap riwayat-riwayat berkaitan dengan penciptaan wanita, kemudian mengenalpasti lafaz-lafaz hadith dan perbezaan yang ada di antara nas-nas hadith serta pendapat para ulama' hadith tentangnya. Kajian ini juga dikaitkan dengan ilmu sains tentang penciptaan manusia serta keselarian maklumat dengan ilmu wahyu agar kekeliruan yang timbul daripada ungkapan ini dapat dijelaskan.

#### **7. MENGENALPASTI KEKELIRUAN TERHADAP SUMBER UNGKAPAN INI DAN PENJELASAN TENTANGNYA.**

Setelah melalui proses penelitian, di sini terdapat beberapa sumber yang menjadi punca ungkapan ini muncul dan di popularkan oleh masyarakat. Di antaranya ialah:

- 1) Di sandarkan kepada kefahaman dari ayat al-Quran.

Sebagaimana dijelaskan sebelum ini, terdapat *mufassir* melihat ayat

pertama dari surah al-Nisa' membuktikan bahawa Hawa berasal dari Adam atau sebahagian dari Adam.

Al-Tabari juga ketika mentafsirkan ayat pertama dari surah al-Nisa' menyebut beberapa riwayat berkenaan dengan penciptaan Hawa, di antaranya ialah;

*Riwayat tentang manusia diciptakan dari Adam 'alahisalam:*

*Muhammad bin al-husain menceritakan kepada kami, ia berkata: Ahmad bin Mufaddhal menceritakan kepada kami*

*Ibnu Humaid menceritakan kepada kami, ia berkata: Salamah menceritakan kepada kami dari Ibnu Ishaq, ia berkata, "menurut berita yang sampai kepada kami dari ahli kitab dan ulama lainnya, dari Abdullah ibn Abbas dan yang lain, Adam didatangkan rasa mengantuk, kemudian Allah mengambil salah satu tulang rusuknya di bahagian kiri, setelah itu Allah memperbaiki semula tempat tulang rusuk tersebut. Saat itu, Adam sedang tertidur dan belum terjaga dari tidurnya. Maka, daripada tulang rusuk itulah Allah SWT menciptakan isterinya, iaitu Hawa. Allah membentuk tulang rusuknya itu menjadi seorang wanita agar Adam merasa tenteram terhadapnya. Ketika Adam terjaga dari tidurnya, beliau mendapati seorang wanita berada disampingnya. Menurut pengakuan mereka (ahli Kitab) – Wallahu A'lam- Adam kemudian berkata, "Inilah daging, darah dan isteriku. Adam kemudian merasa tenteram terhadapnya."<sup>1</sup>*

*Riwayat kedua:*

Barbara Stowasser mengulas tentang riwayat oleh Imam al-Tabari ini di dalam tulisan beliau yang menyebut bahawa kelihatan sebahagian besar daripada hadith-hadith yang diriwayatkan oleh al-Tabari ketika menceritakan tentang Adam dan Hawa menyalahkan kaum perempuan, sebagaimana umumnya pendapat para teologi pada zaman al-Tabari.<sup>2</sup>

Jika disoroti kitab-kitab tafsir yang lain, terdapat beberapa ahli tafsir yang cenderung ke arah pendapat Imam al-Tabari iaitu mengatakan bahawa lafaz '*min nafsini wahidah*' di dalam ayat pertama surah al-Nisa' ini bermaksud dari Adam '*alahisalam*. Pendapat ini dikongsi oleh Ibn Kathir di dalam tafsir beliau ketika mentafsirkan ayat 1 dari surah al-Nisa'. Beliau menyebut: "*Allah Taala berfirman memerintahkan makhluk-Nya untuk bertaqwa kepadaNya. Iaitu beribadah hanya kepada Allah yang tiada sekutu bagiNya. Juga menyedarkan mereka tentang kekuasaanNya yang telah menciptakan mereka dari satu jiwa, iaitu Adam alaihissalam. Ayat 'Dan darinya Allah menciptakan isterinya, iaitu Hawa yang diciptakan dari rusuk Adam alaihissalam bahagian kiri dari belakang. Di saat Adam tidur, lalu ketika sedar dari tidurnya maka ia melihat Hawa yang sungguh*

---

<sup>1</sup> Al-Tabari, *Jami' al-Bayan 'an Ta'wil Ayi al-Quran*, edisi terjemahan: Ahmad Affandi, jilid 6, m.s 355.

<sup>2</sup> Stowasser, Barbara, *Reinterpretasi Gender: Wanita dalam al-Quran, Hadith dan Tafsir* Edisi terjemahan H.M. Mochtar Zoerni, m.s 74.

menakjubkan”.<sup>1</sup>

Dr. Radhwan Jamal ketika mentafsirkan ayat 1 dari surah al-Nisa' juga menyatakan bahawa, maksud ayat dan dijadikan darinya isterinya bermaksud diciptakan Hawa dari rusuk Adam sebelah kiri<sup>2</sup>. Pendapat ini juga dipilih oleh Abdul Hamid di dalam karya beliau yang menyandarkan pentafsiran itu kepada Qatadah.

Walaupun bagaimanapun, Imam al-Qurtubi melihat maksud ayat 1 surah al-nisa' ini merujuk kepada penciptaan yang sama dan hakikat kejadian yang sama bagi lelaki dan perempuan, yang membezakan antara mereka hanya dari sudut fizikal dan tugas serta tanggungjawab mereka<sup>3</sup>.

Pendapat menyatakan bahawa Hawa dijadikan daripada tulang rusuk Adam ini juga disangkal oleh Abdul Ghani Samsuddin di dalam tulisan beliau yang menyebut bahawa al-Quran sama sekali tidak pernah menyebut tentang kejadian Hawa daripada tulang rusuk Adam, yang jelas ialah al-Quran hanya menyatakan bahawa manusia diciptakan dari satu jiwa. Ini bermakna Adam dan Hawa berasal dari jiwa yang sama. Pendapat ini disandarkan kepada pernyataan dari Sayyid Qutb di dalam kitab tafsirnya yang mengatakan bahawa lelaki dan wanita merupakan dua bahagian dari satu jiwa yang tidak mungkin dipisahkan.<sup>4</sup>

Dr. Nashruddin Baidan di dalam buku beliau bertajuk Tafsir bi al-Ra'yi, menyebut tentang hal ini ketika mengulas berkenaan dengan penciptaan wanita yang disandarkan pada ayat pertama dari surah al-Nisa'. Beliau menjelaskan bahawa kebanyakan ulama di Indonesia bahkan mufassir al-Zamakhshari yang rasional juga terpengaruh dengan tafsiran bahawa Hawa, diciptakan dari tulang rusuk nabi Adam.

Walaupun bagaimanapun beliau menyatakan bahawa al-Quran tidak pernah menjelaskan secara qath'i bahawa Hawa diciptakan dari tulang rusuk nabi Adam. Bahkan kalimah *نفس* itu berulang sebanyak 295 kali di dalam al-Quran namun tidak pula dikaitkan secara langsung dengan Adam. Oleh sebab itu, mentafsirkan ayat tersebut merujuk kepada Adam secara khusus adalah tidak sesuai dan tidak memberikan tafsiran secara tepat terhadap kalimah *nafs* itu.

Bahkan beliau melihat kalimah *nafs* itu membawa pelbagai penerian yang lain seperti 'jiwa', juga boleh bermaksud jenis atau bangsa. Oleh yang demikian, beliau menegaskan bahawa perempuan diciptakan dari unsur yang

---

<sup>1</sup>Ibn Kathir, *Lubaabut Tafsir min Ibn Kathir*, edisi terjemahan M.Abdul Ghofar. Jakarta: Pustaka Imam al-Syafie.

<sup>2</sup>Radhwan Jamal, *Irdhun Manhaji fi al-Tafsir al-Tahlili: Surat al-Nisa' Namuzajan*. KL: Research Centre Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, m.s 60.

<sup>3</sup>Al-Qurtubi, *Tafsir al-Qurtubi*.

<sup>4</sup>Syed Qutb, *Fi Zilalil Qur'an*, Beirut: Dar al-Syuruq, Cetakan ke-11, juzu 1-4, m.s 574.

sama iaitu tanah<sup>1</sup>.

2) Intipati hadith

2.1) Jika diteliti melalui matan hadith, terdapat beberapa riwayat yang menyebut berkenaan dengan wanita dijadikan daripada tulang rusuk nabi Adam, antaranya:

Di dalam *Sahih* Bukhari menyebut:

عن أبي هريرة  $\tau$  قال، قال رسول الله  $\rho$  استوصوا بالنساء فإن المرأة خلقت من  
ضلع وإن أعوج شيء في الضلع أعلاه فإن ذهب تقيمه كسرته وإن تركته لم يزل أعوج  
فاستوصوا بالنساء.

Maksudnya: “Berbuat baiklah kepada wanita, sesungguhnya mereka diciptakan daripada tulang rusuk, dan bahagian yang paling bengkok adalah bahagian atasnya. Jika kamu cuba untuk membetulkannya maka ia akan patah, namun jika dibiarkan ia akan berterusan bengkok. Oleh sebab itu, maka berbuat baiklah kepada wanita”.

Manakala di dalam *Sahih* Muslim menyebut:

قال، قال رسول الله  $\tau$  عن أبي هريرة

إِنَّ الْمَرْأَةَ خُلِقَتْ مِنْ ضِلْعٍ لَنْ تَسْتَقِيمَ لَكَ عَلَى طَرِيقَةٍ فَإِنْ اسْتَمْتَعْتَ بِهَا  
اسْتَمْتَعْتَ بِهَا وَبِهَا عَوْجٌ وَإِنْ ذَهَبَتْ تُقِيمُهَا كَسَرْتَهَا وَكَسْرُهَا طَلَأُهَا.

Dari Abu Hurairah *radhiallahu anhu* bahawa Nabi *Shallallahu ‘alaihi wasallam* bersabda:

**“Kaum wanita diciptakan dari tulang rusuk, dan kamu tidak akan dapat meluruskan walau dengan cara apa sekalipun. Jika engkau merasa senang kepadanya maka berseronoklah namun ia akan tetap kekal bengkok. Namun jika kamu berusaha untuk meluruskannya maka ia akan patah.**

Di dalam riwayat yang lain dari *Sahih* Muslim, dari Abu Hurairah *radhiallahu anhu* bahawa Nabi *Shallallahu ‘alaihi wasallam* bersabda:

**“Berbuat baiklah kepada wanita, kerana sesungguhnya mereka diciptakan dari tulang rusuk, sesungguhnya tulang rusuk yang paling bengkok adalah yang paling atas. Jika engkau berusaha meluruskannya pasti ia akan patah, namun jika dibiarkan maka ia akan kekal bengkok.**

---

<sup>1</sup> Nashruddin Baidan, *Tafsir bi al-Ra’yi: Upaya Penggalan Konsep Wanita dalam al-Quran*,

### **Maka layanilah wanita dengan baik”.**

Riwayat pertama dari *Sahih* Bukhari dan Muslim menyebut bahawa wanita diciptakan dari tulang rusuk, manakala riwayat yang kedua di dalam *Sahih* Muslim menyatakan bahawa wanita **seperti** tulang rusuk. Maka, perbezaan kalimah ini membawa kepada interpretasi yang berbeza.

Khalif Muammar di dalam tulisan beliau menyebut bahawa hadith ini perlu difahami secara majazi (metafora) kerana tidak ada satu dalil pun yang menjelaskan tentang kejadian wanita daripada tulang rusuk nabi Adam. Ia menunjukkan bahawa maksud baginda saw bukanlah tentang penciptaan Hawa akan tetapi sebagai peringatan kepada kaum lelaki agar berlemah lembut dalam hubungannya dengan wanita kerana kekerasan tidak akan memberi kesan yang baik terhadap mereka.

2.2) Untuk menguatkan lagi tanggapan terhadap kebenaran ungkapan ini, terdapat ahli Tafsir dan masyarakat mengaitkan ia dengan hadith lain tentang wanita iaitu:

**“Aku tidak melihat orang-orang yang kurang akal dan kurang agama yang lebih mampu menghilangkan akal lelaki yang teguh daripada salah seorang di antara kalian (para wanita).**

Kedua-dua hadith ini seolah-olah menggambarkan penciptaan wanita dari tulang yang bengkok kerana kekurangan akal dan agama mereka, sehingga terdapat fatwa yang dikeluarkan oleh *al-Lajnah al-Daimah lil Buhuts al-Ilmiyyah wa al-Ifta'* yang diketuai oleh Syeikh Abdul Aziz bin Baz *rahimahullah*, ketika ditanya tentang hal ini menyatakan:

*“Zahir hadits menunjukkan bahawa wanita dan yang dimaksudkan di sini adalah Hawa itu diciptakan dari tulang rusuk nabi Adam ‘Alaihissalam. Pemahaman seperti ini tidak bercanggah dengan hadith lain yang menyamakan wanita dengan tulang rusuk. Bahkan faedah yang diperolehi dari hadith yang ada menunjukkan wanita sama dengan tulang rusuk. Ia bengkok seperti tulang rusuk kerana memang ia berasal dari tulang rusuk. Maknanya, wanita itu diciptakan dari tulang rusuk yang bengkok maka tidak dinafikan lagi kebengkokannya.*

*Apabila seorang suami ingin meluruskannya dengan selurus-lurusnya dan tidak ada kebengkokan padanya pasti akan mengakibatkan perselisihan dan perpisahan. Ini seperti merosakkannya. Namun jika si suami bersabar dengan keadaan si istri yang buruk, kelemahan akalnya dan sesuai dengan kebengkokan yang ada padanya pasti akan membantu kelestarian hubungan rumahtangga mereka.*

*Perkara ini juga dijelaskan oleh ulama' yang mensyarahkan hadith ini, seperti al-Hafizh Ibnu Hajar rahimahullah dalam Fathul Bari (6/368) semoga Allah Subhanahu wa Ta'ala merahmati mereka semua. Dengan ini diketahuilah bahwa mengingkari penciptaan Hawa dari tulang rusuk Adam tidaklah benar.<sup>1</sup>*

Dr Danial Zainal Abidin ketika menjelaskan berkenaan isu wanita dijadikan dari tulang rusuk nabi Adam ini merujuk kepada pendapat Abu A'la al-Maududi iaitu, umumnya para pentafsir al-Quran menyebutkan Hawa dicipta

---

<sup>1</sup> Fatwa no. 20053, kitab *Fatawa al-Lajnah Al-Da'imah lil Buhuts al-Ilmiyyah wa al-Ifta'*, bil. 17/10.

daripada tulang rusuk Adam dan Bible juga menyebut perkara yang sama. Kitab Talmud pula menambah bahawa Hawa diciptakan dari tulang rusuk yang ketiga belas. Akan tetapi al-Quran tidak menyentuh langsung perkara ini dan hadith yang dipetik untuk menyokong pandangan ini mempunyai makna yang berbeza dari yang sering difahami. Oleh itu, perkara terbaik ialah membiarkan perkara yang tidak dijelaskan seperti yang terdapat dalam al-Quran dan tidak perlu membuang masa memperincikannya.<sup>1</sup>

### 3) Riwayat dari Kitab Bible Tentang Penciptaan Hawa

Penciptaan Eve iaitu Hawa yang dicatatkan dalam Genesis 2:21-22 menyebut:

*Then the Lord God made man fall into on deep sleep and while he was sleeping he took out one of the man's rib and closed up the flesh. He formed a woman out of the rib and brought her to him.*

Genesis 2:23 turut mengukuhkan lagi kenyataan tentang penciptaan wanita daripada Adam menyebut:

*"At last, here is one of my kind-bone taken from my bone, and flesh from my flesh. Woman is her name because she was taken out by man".*

Dr. Lamiya ketika mengulas hal ini menyebut bahawa al-Quran tidak pernah memuatkan cerita-cerita sebagaimana yang disebut dalam perjanjian Lama yang merendahkan martabat wanita. Tidak terdapat isyarat bahawa wanita pertama yang diciptakan Allah merupakan makhluk yang lebih rendah nilainya dari lelaki pertama, bahkan Allah menyebut lelaki dan wanita dijadikan dari satu jiwa yang sama menurut ayat pertama surah al-Nisa'. Manakala Perjanjian Lama atau Taurat memperlakukan Eve (Hawa) sebagai penggoda dalam Kebun Eden (syurga) yang membantu syaitan memujuk Adam untuk tidak mematuhi Allah. Bahkan al-Quran dalam hal ini memperlakukan pasangan tersebut dengan persamaan yang sempurna iaitu kedua-duanya dikatakan berdosa, sama-sama dihukum Allah dengan mengusir mereka dari syurga yang akhirnya dosa mereka diampuni setelah mereka bertaubat.<sup>2</sup>

Pengarang kitab Tafsir al-Hijri : Kajian Tafsir al-Quran Surah al-Nisa' ketika memberikan komentar tentang ayat ini juga menyatakan bahawa kebanyakan tafsir mengaitkan ayat ini dengan penciptaan Adam dan Hawa serta menyimpulkan bahawa Hawa diciptakan selepas terciptanya Adam. Beliau menjelaskan bahawa pentafsiran seperti ini kerana terpengaruh dengan dakwaan Taurat bahawa penciptaan Adam dan Hawa berbeza<sup>3</sup>.

---

<sup>1</sup> Danial Zainal Abidin, *Quran Saintifik vol 1 (Meneroka Kecemerlangan Quran dari Teropong Sains)*, PTS Millenia Sdn. Bhd, 2007, m.s105.

<sup>2</sup> Lamiya al-Faruqi, *'Ailah, Masa Depan Wanita*, edisi terjemahan Masyhur Abadi, m.s 94.

<sup>3</sup> K.H. Didin Hafidhuddin, *Tafsir al-Hijri: Kajian Tafsir al-Quran Surah al-Nisa'*, Jakarta: Yayasan Kalimah Thaiyyibah, 2000, m.s 11.



Sedangkan menurut beliau, ayat ini menyebut secara jelas dimulai dengan seruan kepada al-Naas iaitu manusia yang menjelaskan bahawa ayat ini bermaksud penciptaan manusia secara umum. Beliau membuktikan kefahaman ini dengan keterangan dari surah Fathir, ayat 11 yang menyebut secara jelas bahawa manusia itu diciptakan dari tanah. Bahkan menurut beliau lagi, ayat ini sebenarnya hujah yang sangat jelas bahawa manusia, sama ada lelaki ataupun perempuan diciptakan dari sumber yang sama<sup>1</sup>.

Menurut Syeikh Imad Zaki al-Barudi pula, ayat 1 dari surah al-Nisa' ini membawa maksud kaum wanita diciptakan daripada ciptaan kaum lelaki. Mereka yang memandang bahawa lelaki dan perempuan diciptakan dari bahan yang berbeza adalah dari kalangan mereka yang bukan beragama Islam seperti Yahudi, Kristian dan golongan yang mengaku dan menganggap diri mereka memiliki peradaban yang tinggi. Beliau membuktikan kenyataan ini dengan memetik apa yang disebut oleh tokoh Romawi yang menyebut bahawa wanita itu adalah makhluk yang najis, tidak mempunyai roh dan tidak ada keabadian baginya<sup>2</sup>.

Dr Hasan Hamid Athiyah menukulkan pendapat syeikh Muhammad Abduh di dalam tafsir beliau, al Manar bahawa yang disebut al-nafs di dalam ayat 1 surah al-Nisa' membawa maksud penciptaan kemanusiaan dari sudut paras rupa, warna, kekuatan dan kelemahan serta segala yang berkaitan dengan penciptaan. Beliau menganggap dakwaan Hawa dicipta berbeza dengan Adam adalah pernyataan yang diambil dari Taurat<sup>3</sup>.

## **8. KESELARIAN UNGKAPAN INI DENGAN FAKTA SAINS BERKENAAN DENGAN PROSES KEJADIAN MANUSIA.**

Ungkapan ini meninggalkan satu isu penting iaitu, jika wanita dikatakan daripada tulang rusuk lelaki, adakah bermaksud wanita dijadikan dengan cara yang berbeza diciptakan lelaki? Penciptaan manusia secara umumnya telahpun dijelaskan oleh al-Quran dan hadith sejak permulaan Islam lagi.

Di dalam surah Al Mukminun (ayat 12-14), surah Al-Insaan (ayat 2) dan surah Al-Ghafir (ayat 67) telah dinyatakan mengenai asal penciptaan manusia yang asalnya bermula dari tanah, yang kemudian daripadanya manusia tercipta dari pencampuran air mani (nutfah) lelaki dan perempuan yang akhirnya membentuk janin dan membesar menjadi seorang bayi. Peringkat-peringkat kejadian manusia ini diperincikan lagi oleh fakta sains yang membenarkan fakta penciptaan manusia yang dijelaskan di dalam Al Quran.

Menurut Profesor Emeritus Keith L Moore, seorang pakar anatomi dan embriologi, penciptaan manusia bermula apabila *oocyte* (ovum) dari wanita

---

<sup>1</sup> Ibid, m.s 12.

<sup>2</sup>Imad Zaki al-Barudi, *Tafsir Wanita dalam al-Quran*. Edisi terjemahan Jamaluddin Ibrahim Mydin, KL: al-Hidayah Publications, m.s 3.

<sup>3</sup>Hasan Hamid Athiyah, *Hawa: min al-Khalqi ila al-Ba'si fi al-Nusus al-Diniyyah al-Muqaddasah*. Kaherah: Dar al-Khayyal, m.s 29.

bersenyawa dengan sperma dari lelaki yang akhirnya membentuk satu sel yang dinamakan zigot<sup>1</sup>. Zigot yang mengandungi kromosom dan maklumat genetik daripada sperma lelaki (23 X atau Y) dan ovum wanita (23 X) ini seterusnya akan membahagi dengan berperingkat-peringkat menjadi embrio dan akhirnya membentuk satu janin manusia yang dipanggil fetus. Kajian ini juga disokong oleh majoriti saintis seawal zaman Hippocrates, sehinggalah pada zaman ini.<sup>2</sup>

Profesor Moore juga menyatakan pandangannya dari sudut embriologi mengenai tafsiran surah Al- Zumar, ayat 6 bermaksud:

*“Ia menciptakan kamu dalam kandungan ibu kamu (berperingkat-peringkat) dari satu kejadian ke satu kejadian. Dalam tiga suasana yang gelap-gelita.”*

Beliau berpendapat tiga suasana yang gelap gelita itu bermaksud 3 lapisan yang meliputi janin<sup>3</sup> iaitu: 1- dinding abdomen manusia (*anterior abdominal wall*), 2- dinding rahim (*uterine wall*) dan 3- lapisan yang membungkus janin (*amniochorionic membrane*). Jika dinilai dari sudut anatomi manusia dan embriologi, ketiga-tiga lapisan ini adalah lapisan yang melindungi janin dan menjaga daripada bahaya.

Seterusnya, kajian sains telah memperhalusi lagi mengenai peringkat kejadian manusia dan ianya boleh disimpul dari surah al-Mukminun, ayat 12-14 maksudnya:

*“Dan sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dari pati (yang berasal) dari tanah. Kemudian Kami jadikan "pati" itu (setitis) air benih pada penetapan yang kukuh. Kemudian Kami ciptakan air benih itu menjadi sebuku darah beku, lalu Kami ciptakan darah beku itu menjadi seketul daging; kemudian Kami ciptakan daging itu menjadi beberapa tulang; kemudian Kami balut tulang-tulang itu dengan daging. Setelah sempurna kejadian itu Kami bentuk dia menjadi makhluk yang lain sifat keadaannya. Maka nyatalah kelebihan dan ketinggian Allah sebaik-baik Pencipta.”*

Berdasarkan tafsir surah al-Mukminun ini, peringkat-peringkat kejadian manusia dijelaskan bermula daripada nutfah (setitis air benih), menjadi 'alaqah (darah beku yang tergantung seperti lintah / *suspended structure*), seterusnya menjadi mudghah (ketulan yang mempunyai bentuk bekas gigitan / *chewed substance*), yang kemudiannya dari ketulan itu dicipta 'izam (tulang), dan akhirnya tulang-tulang tersebut dibaluti dengan *lahm* (daging), dan sempurnalah ia menjadi janin manusia yang lengkap.

Kajian sains mendapati setiap daripada peringkat yg dinyatakan di dalam Al Quran menyamai penyelidikan yang dilakukan terhadap kajian perkembangan

---

<sup>1</sup> Keith L Moore, et al (2015). *The Developing Human: Clinically Oriented Embryology*. 10<sup>th</sup> Edition. Elsevier Health Sciences.

<sup>2</sup>Ibid.

<sup>3</sup>Moore, K. L. (1986). A Scientist's Interpretation of References to Embryology in the Qur'an. *Journal of the Islamic Medical Association of North America*, 18(1).

embrio manusia (*Carnegie stages of human embryo development = 23 stages*)<sup>10</sup> dengan menyatakan tempoh ini berlangsung selama lebih kurang 8 minggu setelah persenyawaan. Ini adalah tempoh yang dinamakan tempoh embrio. Kemudian, apabila masuk minggu ke 9 dan seterusnya iaitu peringkat fetus, perkembangan manusia bertumpu hanya kepada proses pembesaran janin, tanpa ada perubahan / tambahan bentuk pada badan manusia.

Manakala *Carnegie stages* yang diterbitkan oleh O'Rahilly dan Muller pada tahun 1987<sup>10</sup> menjadi manual rujukan utama bagi ilmu embriologi peringkat kejadian manusia. Ia menjelaskan terdapat 23 peringkat kejadian yang berlaku selama 8 minggu pertama selepas persenyawaan. Ia bermula dengan nutfah (*Carnegie stage 1-4*) di mana ovum mengandungi sperma yang telah menembusnya lantas membentuk zigot, dan sel mula membahagi dengan pesatnya.

Seterusnya, *'alaqah* (*Carnegie stage 5 - 8*) menunjukkan embrio tersebut mula membenam ke dalam dinding rahim (*qarar makin*) dan membentuk *secondary yolk sac* (seperti lintah yang tergantung). Di peringkat ini telah bermula pembentukan sistem salur darah bagi menyediakan keperluan asas setiap organ yang akan dibentuk.

Kemudian, *mudghah* (*Carnegie stage 9*, iaitu sekitar minggu ke 3 selepas persenyawaan) menunjukkan permulaan kejadian *'somites'* iaitu deretan segmen-segmen yang akan membentuk tulang belakang. Jika dilihat rupabentuk *'somites'* ini menyamai bentuk bekas gigitan pada sesuatu benda. Pembentukan *'izam* (tulang) bermula pada *Carnegie stage 12* (sekitar minggu ke 4) dan seterusnya, di mana pembentukan daging (*muscles*) bermula lewat daripada pembentukan tulang (sekitar minggu ke 5 selepas persenyawaan).

Penemuan peringkat kejadian manusia yang diterangkan dengan terperinci di dalam al-Quran ini juga disokong oleh professor-professor embriologi bukan muslim dari Amerika Syarikat, termasuk Professor Keith L Moore, Professor T.V.N Persaud dan Dr Marshal Johnson yang tidak asing lagi dengan ilmu anatomi dan embriologi manusia.

Professor Persaud setelah mengkaji mengenai ayat-ayat Al Quran tersebut, membuat pernyataan, "*Muhammad tidak tahu membaca dan menulis, dan kita berbicara mengenai suasana 1400 tahun dahulu. Tiba-tiba terdapat seseorang yang seperti itu membuat kenyataan-kenyataan yang tepat dan saintifik. Saya tidak nampak semua ini berlaku secara kebetulan. Saya tiada masalah mengatakan kenyataan-kenyataan ini adalah wahyu tuhan*"<sup>1</sup>

Kenyataan ini juga dipersetujui oleh Profesor Moore di dalam buku teks embriologi beliau *'The Developing Human: Clinically Oriented Embryology'* yang digunapakai sebagai antara buku teks asas di institusi-institusi perubatan di seluruh dunia. Beliau menyatakan di dalam bukunya, bahawa di dalam Al Quran, pembentukan manusia terhasil daripada percampuran air lelaki dan wanita (*small drop*), yang kemudiannya menjadi embrio yang berbentuk seperti lintah (*leech-like appearance*) dan seterusnya embrio tersebut berbentuk seperti bekas gigitan

---

<sup>1</sup>O'Rahilly, Ronan, and Fabiola Müller. "Developmental Stages in Human Embryos." (1987): 306.

(*chewed substance*).<sup>1</sup>

Kajian sains juga mendapati proses kejadian manusia samada lelaki atau wanita bermula dari sumber yang sama. O'Rahilly menyatakan peringkat-peringkat kejadian manusia bermula daripada persenyawaan antara ovum dan sperma, yang kemudiannya terbahagi kepada *Carnegie Stages* seperti yang dijelaskan di atas<sup>2</sup>. Secara mikroskopiknya, peringkat-peringkat penciptaan manusia ini tidak menunjukkan perbezaan jantina, kecuali apabila tiba di peringkat pembentukan alat kelamin yang bermula pada ketika janin sudah berusia 4-5 minggu, dan menjadi ketara ketiga minggu ke 7.<sup>12,13</sup> Sebelum itu, iaitu pada 4 minggu pertama selepas pembentukan janin manusia, janin adalah berupa seketul daging yang tidak diketahui jantinya, walaupun secara genetiknya sudah ditentukan samada janin tersebut membawa kromosom XX (wanita) atau kromosom XY (lelaki) yang dihasilkan ketika persenyawaan.<sup>8</sup>

Ini menunjukkan bahawa penciptaan wanita atau lelaki adalah serupa, iaitu berasal dari sumber percantuman air mani dari lelaki dan wanita, seterusnya membahagi mengikut peringkat penciptaan manusia.

## 10. KESIMPULAN KAJIAN

Melalui kajian terhadap ungkapan ini, terdapat dua perkara penting yang perlu diperhalusi iaitu; kekeliruan yang terhadap sumber asal ungkapan dan kesan ungkapan ini dipopularkan.

Pertama: Kekeliruan yang timbul kerana masyarakat tidak mengetahui sumber asal ungkapan ini lalu menyandarkannya kepada agama. Jika diperhatikan, ungkapan ini disebut dan dinyatakan di dalam Bible berkenaan dengan penciptaan Hawa, ini menunjukkan bahawa pengaruh israiliyat ini masih membelenggu umat Islam pada masa kini.

Husain al-Zahabi menegaskan di dalam buku beliau bahawa kecenderungan yang berlebih-lebihan terhadap kisah Israiliyat dan kegemaran meriwayatkan kisah-kisah yang pada umumnya merupakan khurafat ini berjalan terus sehingga kita menyaksikan beberapa buah buku tafsir masih mengungkap kisah-kisah sebegini sebagai hiburan.<sup>3</sup>

Menangani permasalahan ini, Dr. Solah al-Khalidy menggariskan beberapa metodologi yang perlu diikuti oleh umat Islam ketika berhadapan dengan kisah-kisah orang terdahulu dan juga riwayat-riwayat yang datang dari tradisi Israil. Di antara metodologi dalam berhadapan dengan kisah-kisah Israiliyat ini adalah;

---

<sup>1</sup>O'rahilly, R. "Early Human Development and the Chief Sources of Information on Staged Human Embryos." *European Journal of Obstetrics & Gynecology and Reproductive Biology* 9.4 (1979): 273-280.

<sup>2</sup>Langman, Jan, and Doris Burda Wilson. (1982)*Embryology and congenital malformations of the female genital tract*. New York: Springer.

<sup>3</sup>Husain al-Zahabi, *al Israiliyyat fi al Tafsir wa al Hadith*. Kaheerah: Maktabah Wahbah.

- a) Tidak bertanya kepada ahlu Kitab tentang orang-orang terdahulu
- b) Jangan mengikuti apa yang kamu tidak mempunyai pengetahuan tentangnya.
- c) Jika datang kepadamu seorang fasik membawa berita maka periksalah.
- d) Menganggap orang-orang Yahudi itu sebenarnya tidak mengetahui.<sup>1</sup>

Kedua: Kesan ungkapan ini dipopularkan sangat banyak. Ia membawa kepada persepsi negative terhadap Islam tanpa menyedari bahawa ia sebenarnya dirujuk daripada kitab-kitab agama lain. Hadith yang disandarkan kepadanya ungkapan ini membawa pentafsiran yang berbeza dari apa yang difahami oleh masyarakat, lalu ia menjadi hujah kepada golongan anti hadith untuk menyatakan bahawa hadith bukanlah sumber yang boleh dipercayai. Selain dari itu, ia menggambarkan seolah-olah Islam menyatakan bahawa penciptaan wanita berbeza dengan lelaki sedangkan menurut ilmu sains, lelaki dan wanita melalui proses penciptaan yang sama.

Oleh yang demikian, dari kajian yang dilakukan terhadap ungkapan ini membuktikan bahawa terdapat perbezaan kefahaman terhadap lafaz hadith lalu dikaitkan dengan riwayat Bible membuatkan ia kelihatan selari, hal ini hanya akan dapat diteliti kembali jika dinilai dengan ilmu sains agar fakta yang tersirat dapat dizahirkan.

## **11. PENUTUP.**

Menurut Faisal Othman, wanita ialah manusia sempurna seperti juga lelaki bersandarkan kepada kefahaman dari firman Allah Taala di dalam surah al-Imran ayat 195 yang bermaksud: *Sesungguhnya aku tidak mensia-siakan kerja orang yang bekerja antara kamu sama ada lelaki mahupun perempuan.*<sup>2</sup> Oleh yang demikian ia menafikan terdapat perbezaan dan diskriminasi dari sudut layanan terhadap perempuan dalam Islam.

Abbas Mahmud al-‘Akkad menegaskan di dalam tulisan beliau bahawa al-Quran telah datang mengangkat martabat wanita, sebagaimana kisah Adam dan Hawa yang digoda syaitan, akan tetapi setelah mereka bertaubat lalu Allah mengampuni mereka.<sup>3</sup>

Oleh yang demikian, menjadi tanggungjawab seorang Muslim untuk memastikan kebenaran sesuatu perkara yang dibawa kepadanya agar setiap perkara itu dinilai berasaskan kepada fakta, bukan retorik semata-mata. Dengan prinsip tersebut, ia akan dapat memelihara agama dari dirosakkan atau dilabelkan dengan label-label yang menyimpang dari roh Islam yang sebenar.

## **12. RUJUKAN**

---

<sup>1</sup>Solah Abd Fatah al-Khalidy, *Israiliyat*

<sup>2</sup>Faisal Othman, *Kedudukan dan Peranan Wanita Dalam Islam*, m.s 1.

<sup>3</sup> Al-‘Akkad, Mahmud Abbas. *Wanita Dalam al-Quran*. Edisi terjemahan, m.s 91.

Al-Quran al –Karim.

Faisal Hj. Othman (1993), **Kedudukan dan Peranan Wanita Dalam Islam**, , KL: Utusan Publications and Distributors.

Mohammad Quraish Syihab (1996), **Wawasan al-Quran: Tafsir Maudhui Atas Pelbagai persoalan Umat**, Jakarta: Penerbit Mizan.

Abdul Ghani Samsuddin (1986), **Sekitar Persoalan Wanita**, KL: ABIM.

Danial Zainal Abidin, **Quran Sainifik (Meneroka Kecemerlangan Quran Daripada Teropong Sains**, Vol 1, Selangor: PTS Milenia Sdn. Bhd.

Danial Zainal Abidin, Quran Sainifik – Edisi Kemaskini (Meneroka Kecemerlangan Quran Daripada Teropong Sains), 2014, Selangor: PTS Milenia Sdn. Bhd.

Keith L Moore, T. V. N. Persaud, Mark G. Torchia (2015). ***The Developing Human: Clinically Oriented Embryology***. 10<sup>th</sup> Edition. Philadelphia: Elsevier Health Sciences.

Khalif Muammar (2006), **Atas Nama Kebenaran: Tanggapan Kritis Terhadap Wacana Islam Liberal**. Kajang: Kolej Dar al-Hikmah.

O'rahilly, R. (1979), **Early human development and the chief sources of information on staged human embryos**. *European Journal of Obstetrics & Gynecology and Reproductive Biology* 9.4: 273-280.

Syed Hussein Nasr (1986), **Sains dan Peradaban Dalam Islam**, Bandung: Penerbit Pustaka.

Nashruddin Baidan (1999), **Tafsir bi al-Ra'yi: Upaya Penggalian Konsep Wanita dalam al-Quran**, Pustaka Pelajar: Jakarta.

K.H. Didin Hafidhuddin (2000), **Tafsir al-Hijri: Kajian Tafsir al-Quran Surah al-Nisa'**, Cetakan Pertama, Jakarta: Yayasan Kalimah Thaiyyibah.

Imad Zaki al-Barudi,(2013). **Tafsir Wanita dalam al-Quran**. Edisi terjemahan Jamaluddin Ibrahim Mydin, Cetakan Ketiga. KL: al-Hidayah Publications.